

11/08/1997

IK mungkin menurun di bawah 900 mata

INDEKS komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mungkin terus menurun sehingga di bawah paras 900 mata minggu ini jika aliran tekanan jualan oleh pengurus dana asing seperti minggu lalu, masih berlanjutan.

Penganalisis berkata, jika saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pengurus dana tempatan mengambil peluang membeli saham ketika harga murah sekarang, diikuti, maka ia boleh "menyelamatkan" IK daripada terus menjunam.

Nada yang sama pernah disuarakan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada 10 Julai lalu supaya pengurus dana tempatan mengetuai pasaran tetapi ia kurang memberi kesan. Pengurus dana tempatan terus terikut-ikut sentimen rakan asing itu.

Sejak IK mula berada di bawah paras 1,000 mata mulai Isnin lalu, yang terendah dalam tempoh 21 bulan, pengurus dana tempatan terus berhati-hati dan kehadiran mereka cuma dirasai pada Rabu dan Jumaat lalu menyebabkan pasaran naik sedikit ketika rakan sejawat asing mereka mula beredar daripada pasaran tetapi mengambil sikap berpilih-pilih terhadap kaunter tertentu.

Dalam hal ini siapa harus dipersalahkan? Ada orang kata, kejayaan hanya dapat dicapai jika seseorang itu bijak melihat peluang yang orang lain tidak nampak.

"Jika anda mengetuai laluan dalam pasaran, orang lain akan terikut sama. Sudah sekian lama, pengurus dana asing mengetuai pasaran dan bila mereka beredar, semua akan terikut sama yang menyebabkan pasaran terjejas," kata seorang penganalisis pasaran.

Namun katanya, sentimen itu sukar dibendung kerana budaya terikut-ikut dalam pasaran bagaikan satu "kewajiban" jika seseorang tidak mahu menghadapi kerugian besar kerana ia dibuat berasaskan sentimen.

Seorang ahli ekonomi berkata, dalam keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan, memang begitulah rentak pelabur terutama pelabur runcit tetapi pelabur institusi tempatan boleh menyelamatkan keadaan dengan memasuki pasaran.

Pada akhir urusan niaga Jumaat lalu setelah indeks komposit jatuh di bawah paras 1,000 mata sepanjang minggu mulai Isnin lalu, pelabur institusi tempatan memberi sokongan serta bertindak positif terhadap kenyataan Perdana Menteri.

Pelabur runcit turut mengambil kesempatan pada rali sederhana tetapi tekanan jualan yang tidak berhenti oleh dana asing mengheret turun pasaran. Berikutan itu, harga saham di BSKL ditutup bercampur-campur kepada rendah dengan indeks komposit ditutup naik 4.03 mata kepada 932.36 bila minat tempatan menyokong saham bermutu.

Namun, penganalisis merasakan indeks komposit di BSKL akan terus kekal di bawah paras 1,000 mata minggu ini kecuali ada sesuatu yang menceriaikan suasana pasaran.

(END)